

# Insaniah tambah pelajar rakyat asing

Oleh Johari Ibrahim

ALOR STAR, Isnin – Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah), pusat pengajian tinggi agama yang mengadakan program berkembar dengan Universiti Al-Azhar, Mesir, menambah jumlah kemasukan pelajar rakyat asing pada sesi pengajian 2001/2002.

Langkah itu selaras dasar kerajaan negeri menjadikan Insaniah sebagai pusat pengajian tinggi agama bertaraf antarabangsa.

Pengarah Insaniah, Prof Datuk Marzuki Mahmood, berkata jawatankuasa pemilihan yang dipengerusikannya memilih 30 penuntut baru rakyat asing bagi sesi tahun ini berbanding 12 penuntut sebelum ini.

“Penuntut rakyat asing itu dari Singapura, Thailand, Indonesia dan China,” katanya.

Beliau berkata, seramai 316 penuntut baru tempatan pula akan mendaftar mulai 12 Ogos ini.

Katanya, daripada jumlah itu, 106 penuntut adalah lelaki manakala bakinya perempuan.

“Mereka akan mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda Usuluddin, Syariah dan bahasa Arab,” katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa pemilihan penuntut yang dipengerusikannya menetapkan seramai 121 penuntut akan mengikuti kursus Usuluddin, 129 Syariah manakala bakinya mengambil kursus bahasa Arab.